



**PEJABAT KETUA SETIAUSAHA
KEMENTERIAN KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN
DAN KERAJAAN TEMPATAN**

Semua Ketua Jabatan/Bahagian/Pusat Tanggungjawab/Pusat Kos

PEKELILING KEWANGAN BILANGAN 2 TAHUN 2015
BAYARAN SAGUHATI KEPADA PENSYARAH/PENCERAMAH DAN
FASILITATOR SAMBILAN

1. TUJUAN

Pekeliling Kewangan ini disediakan bagi menjelaskan peraturan dan kadar kelayakan yang perlu dipatuhi berkaitan bayaran saguhati kepada pensyarah/penceramah dan fasilitator sambilan yang diundang untuk menjayakan kursus/bengkel/majlis rasmi anjuran Jabatan/Bahagian/Unit di Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT).

**2. SYARAT DAN KELAYAKAN BAYARAN SAGUHATI PENSYARAH /
PENCERAMAH DAN FASILITATOR SAMBILAN**

2.1 BAYARAN SAGUHATI BAGI PENJAWAT AWAM

2.1.1 Peraturan mengenai syarat-syarat dan kadar bayaran saguhati kepada pensyarah/penceramah dan fasilitator sambilan dari kalangan **penjawat awam** bagi kursus/bengkel/majlis rasmi yang dianjurkan oleh Jabatan/Bahagian adalah sebagaimana ditetapkan dalam **1PP WP 1.8/2013**.

2.1.2 Penjawat awam berstatus **pegawai tetap, kontrak, sementara, sambilan dan sangkut** yang mempunyai kebolehan/ilmu pengetahuan yang bersesuaian boleh dijemput sebagai pensyarah/penceramah sambilan dalam program/majlis anjuran Jabatan/Bahagian/Unit.

2.1.3 Syarat – syarat yang perlu dipatuhi bagi melayakkan penjawat awam dibayar saguhati adalah seperti berikut:

- (i) **mendapat kelulusan daripada Ketua Jabatannya;**
- (ii) memberi syarahan/ceramah atau menjadi fasilitator **bukan merupakan sebahagian daripada tugas rasmi penjawat awam;**
- (iii) penjawat awam dari unit latihan/institusi latihan/pengajian, maktab/institusi perguruan dan sekolah di mana tugas memberi syarahan/ceramah adalah sebahagian daripada tugas mereka, bayaran saguhati **boleh dibayar** sekiranya kursus/bengkel/majlis rasmi **bukan dianjurkan dan bukan merupakan program jabatan / institusi / maktab / sekolah yang sama;**
- (iv) **urus setia** yang memberi syarahan/ceramah atau menjadi fasilitator dalam program yang dianjurkannya **tidak layak dibayar saguhati;**
- (v) bayaran saguhati boleh diberi mengikut kadar setengah jam bagi setiap setengah jam yang genap sekiranya waktu syarahan/ceramah yang ditetapkan oleh penganjur kursus/bengkel/majlis rasmi melebihi satu jam; dan

(vi) pensyarah/penceramah/fasilitator sambilan yang diberikan cenderamata adalah tidak layak dibayar saguhati.

2.1.4 Kadar bayaran saguhati pensyarah/penceramah atau fasilitator bagi penjawat awam adalah mengikut gred jawatan yang sedang disandang oleh pegawai berkenaan ketika program/majlis diadakan. Perincian adalah seperti berikut:

Jadual 1 : Kadar Bayaran Saguhati Pensyarah/Penceramah atau Fasilitator Sambilan bagi Penjawat Awam

Kumpulan Perkhidmatan	Kadar Bayaran Saguhati		Had Maksimum Sebulan
	Pensyarah/Penceramah Sambilan	Fasilitator Sambilan	
Kumpulan Pengurusan Tertinggi	RM300.00 sejam	RM100.00 sejam	Tidak melebihi $\frac{1}{2}$ daripada gaji bulanan pegawai
Kumpulan Pengurusan dan Profesional Gred 53 & 54	RM200.00 sejam	RM100.00 sejam	
Kumpulan Pengurusan dan Profesional Gred 45 & 52	RM150.00 sejam	RM90.00 sejam	
Kumpulan Pengurusan dan Profesional Gred 41 & 44	RM120.00 sejam	RM80.00 sejam	
Kumpulan Sokongan	RM80.00 sejam	RM60.00 sejam	

2.2 BAYARAN SAGUHATI BAGI BUKAN PENJAWAT AWAM

- 2.2.1 Kadar dan syarat bayaran pensyarah/penceramah sambilan bagi pengendali kursus dan latihan dari syarikat swasta/individu bukan penjawat/kakitangan awam adalah berdasarkan **perenggan 16, 1PP PK 2/2013. Pensyarah/penceramah bukan penjawat awam hanya dibayar saguhati sebagai pensyarah/penceramah sahaja** dan tidak layak dibayar sebagai fasilitator
- 2.2.2 Perkhidmatan pengendalian kursus dan latihan adalah **perkhidmatan bukan perunding**. Oleh itu, perolehan perkhidmatan pengendalian kursus dan latihan hendaklah diuruskan mengikut tatacara perolehan semasa iaitu **secara pembelian terus/sebut harga/tender mengikut nilai perolehan** yang berkenaan. Bayaran kepada pensyarah/penceramah atau syarikat yang mengendalikan kursus/latihan/seminar/bengkel tidak boleh menggunakan kadar bayaran perunding kerana khidmat yang diberikan tidak melibatkan kerja-kerja perunding yang sebenarnya.
- 2.2.3 Bagi membolehkan bayaran dibuat kepada pensyarah/penceramah atau syarikat yang mengendalikan kursus/seminar/bengkel anjuran Jabatan/Bahagian, syarat-syarat berikut hendaklah dipatuhi sepenuhnya:
- (i) Memastikan **peruntukan kewangan** telah diluluskan dan **mencukupi**;
 - (ii) Memberi **keutamaan** kepada kepakaran di kalangan **anggota perkhidmatan awam/agensi Kerajaan** dan institusi yang diiktiraf oleh Kerajaan mempunyai kepakaran khusus untuk memberi syarahan/ceramah atau mengendalikan kursus/ latihan yang diperlukan;

- (iii) Menyatakan dengan **jelas dalam tawaran** skop perkhidmatan, **bidang** kepakaran/ kelayakan/pengalaman penceramah, jumlah masa syarahan, bilangan peserta dan sebagainya supaya harga yang ditawarkan dapat diperincikan untuk penilaian;
- (iv) Memastikan **harga dan perkhidmatan** yang ditawarkan adalah **munasabah, paling menguntungkan, berkualiti dan sesuai dengan keperluan perkhidmatan awam**;
- (v) Memastikan perolehan perkhidmatan pengendalian kursus/latihan **secara pakej** hendaklah dibuat daripada **firma yang berdaftar** dengan Kementerian Kewangan; dan
- (vi) Memastikan **kontrak perkhidmatan** hendaklah ditandatangani sekiranya khidmat penceramah atau pengendalian kursus/latihan/seminar/bengkel tidak dibuat secara *one-off* sebaliknya secara bersiri bagi jangka masa yang tertentu.

2.2.4 Kadar bayaran pensyarah/penceramah bukan penjawat awam adalah seperti di **Jadual 2** di bawah.

2.2.5 Penjawat awam yang **mempunyai pengalaman atau kepakaran khusus** sama ada dari dalam atau luar negara, boleh dibayar elaun *ex-gratia* tambahan **tidak melebihi 20%** dari kadar di **Jadual 2**. Pembayaran ini hendaklah diluluskan oleh jawatankuasa/panel yang bertanggungjawab ke atas hal-hal latihan di Kementerian/Jabatan selaras dengan peraturan di **perenggan 16 (h), 1PP PK 2/2013**.

2.2.6 Tuntutan kos imbuhan balik bagi bahan/peralatan serta tuntutan perjalanan, penginapan dan lain-lain **hendaklah berpatutan** dan dibayar mengikut kadar yang ditetapkan sekiranya perolehan tidak dibuat secara pakej;

3.3 KADAR BAYARAN SAGUHATI BAGI PESARA KERAJAAN

3.3.1 Bayaran saguhati pensyarah/penceramah bagi **pesara Kerajaan** yang dijemput sebagai pensyarah/penceramah pula hendaklah mengikut **kadar individu bukan kakitangan awam** berdasarkan **perenggan 16 (g), 1PP PK 2/2013** dan surat Kementerian Kewangan rujukan **KK/BP 108/79/6-1 Jld. 6(56)** bertarikh **28 Disember 2006**.

3.3.2 Pesara Kerajaan **bukan lagi merupakan penjawat awam**. Sehubungan itu, bayaran saguhati pensyarah/penceramah bagi pesara Kerajaan hendaklah dibayar mengikut kadar yang ditetapkan dalam **1PP PK 2/2013** iaitu berasaskan **kelayakan akademik tertinggi** yang dimiliki oleh individu berkenaan.

3.3.3 Kadar kelayakan bayaran saguhati pensyarah/penceramah bagi pesara Kerajaan adalah seperti di **Jadual 2** berikut:

Jadual 2 : Kadar bayaran penceramah **bagi individu bukan penjawat awam (swasta dan pesara Kerajaan)**

Kadar Asas Mengikut Kelayakan Akademik			
Diploma/Sijil	Sarjana Muda	Sarjana	Ph.D
RM100.00 sejam	RM200.00 sejam	RM300.00 sejam	RM400.00 sejam

3 DOKUMEN SOKONGAN

3.1 Penganjur/urus setia kursus adalah bertanggungjawab dalam **memastikan semua dokumen sokongan serta borang-borang** yang berkaitan dikemukakan kepada Bahagian Kewangan dan Perolehan bagi tujuan bayaran. Dokumen-dokumen yang perlu dikemukakan semasa membuat tuntutan adalah seperti berikut:

- (i) **Surat Jemputan** daripada penganjur/urus setia kepada pegawai/pesara Kerajaan/individu berkenaan;
- (ii) **Jadual Program** dan maklumat/slot yang jelas berkaitan ceramah yang ditetapkan untuk pegawai/pesara Kerajaan/individu berkenaan;
- (iii) **Lampiran "A"** – Maklumat-Maklumat yang Perlu Diisikan bagi Kakitangan yang Menuntut Elaun Pensyarah/Penceramah dan Fasilitator;
- (iv) **Lampiran "B"** – Borang Tuntutan Bayaran Saguhati Sebagai Pensyarah/Penceramah dan Fasilitator Sambilan; dan
- (v) **Salinan Kad Pengenalan dan Penyata Bank** (bagi Permohonan Pertama yang dibuat kepada KPKT)

3.2 Bagi pensyarah/penceramah swasta dan pesara Kerajaan, Penganjur/urus setia adalah bertanggungjawab untuk mendapatkan **salinan sijil akademik tertinggi** penceramah bagi tujuan bayaran. Sekiranya dokumen tersebut tidak dapat diperolehi, Penganjur hendaklah membuat **pengesahan kelayakan akademik dan kadar bayaran penceramah** selaras dengan peraturan-peraturan yang sedang berkuatkuasa.

4. PENGESAHAN PERUNTUKAN

4.1 Penganjur/urus setia adalah bertanggungjawab **memastikan peruntukan kewangan Jabatan/Bahagian/Unit adalah mencukupi** bagi membiayai bayaran kepada pensyarah/penceramah dan fasilitator ini. Oleh itu, **Perakuan Baki Peruntukan** di Bahagian III, Lampiran B hendaklah dilengkapkan oleh Penganjur,

5. BORANG TUNTUTAN PENCERAMAH

5.1 Bagi tujuan pelaksanaan di KPKT, **pindaan** telah dibuat ke atas **Lampiran "B" - Borang Permohonan Tuntutan Bayaran Saguhati Sebagai Pensyarah / Penceramah dan Fasilitator Sambilan** selaras dengan pindaan 1PP dan maklumat-maklumat lain yang berkaitan.

6. TARIKH KUAT KUASA

6.1 Pekeliling Kewangan ini **berkuat kuasa mulai 1 Januari 2015** dan hendaklah dibaca bersama peraturan-peraturan kewangan yang sedang berkuatkuasa iaitu Arahan Perbendaharaan (AP), 1Pekeliling Perbendaharaan (1PP), Perintah Am Bab F Tahun 1974 dan Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 21 Tahun 2009 serta peraturan-peraturan kewangan dan perkhidmatan lain yang berkaitan.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"1MALAYSIA : RAKYAT DIDAHULUKAN, PENCAPAIAN DIUTAMAKAN"



(DATO' SERI ARPAN BINTI ABDUL RAZAK)

Tarikh : **16** Februari 2015